



PARLIMEN MALAYSIA
BANGUNAN PARLIMEN
JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

DOKUMEN SEBUT HARGA

SEBUTHARGA NO : PAR.2/367 SH.33/2022

TAJUK KERJA

**KERJA-KERJA KALIBRASI (UJITATAH) DAN PENGUJIAN GEGANTI
PERLINDUNGAN (RELAY PROTECTION) PADA PAPAN SUIS DAN FEEDER
PILLAR SERTA KERJA-KERJA ELEKTRIK YANG BERKAITAN DI KOMPLEKS
PARLIMEN MALAYSIA BAGI TAHUN 2022**

TARIKH TUTUP : 5 OGOS 2022 (JUMAAT)

Nama Kontraktor :.....

Alamat:.....
.....
.....

Kelas :.....Tempoh Daftar :.....

**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Sila tand bagi dokumen-dokumen yang disertakan

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga
1.	Dokumen No. 3 : Jadual Penentuan Spesifikasi Teknikal	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Dokumen No. 4: Jadual Kuantiti	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Dokumen No. 5 : Ringkasan Jadual Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Dokumen No. 6 : Borang Sebut Harga Kerja	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Dokumen No. 7 : Keterangan Mengenai Kontraktor	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Lampiran 6 - Surat Akuan Pembida	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Dokumen sokongan		
	(i) Profil Syarikat beserta rekod pengalaman bekerja yang lepas dan semasa.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	(ii) Salinan Penyata Bank tiga (3) bulan terkini (April 2022, Mei 2022 dan Jun 2022)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	(iii) Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	(iv) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga
	(v) Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja) – jika ada	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	(vi) Salinan Sijil SSM	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	(vii) Salinan Surat Pendaftaran dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di bawah Cukai Perkhidmatan / SST (jika ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	(viii) Salinan Sijil Perakuan Orang Kompeten Elektrik Berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga Elektrik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	(ix) Salinan sijil Perakuan Kekompetenan sebagai Jurutera Perkhidmatan Elektrik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	(x) Salinan borang kalibrasi terkini bagi peralatan yang telah di luluskan/diiktiraf penggunaannya oleh pihak Makmal. (sila lampirkan Jadual Masa & Jadual Tentukur peralatan di lampiran tambahan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	(xi) mengemukakan bukti salinan surat tawaran kerja dan bukti siap kerja.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada)

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

**KERAJAAN MALAYSIA
PARLIMEN MALAYSIA
DOKUMEN SEBUT HARGA**

**KERJA-KERJA KALIBRASI (UJITATAH) DAN PENGUJIAN GEGANTI
PERLINDUNGAN (RELAY PROTECTION) PADA PAPAN SUIS DAN FEEDER
PILLAR SERTA KERJA-KERJA ELEKTRIK YANG BERKAITAN DI KOMPLEKS
PARLIMEN MALAYSIA BAGI TAHUN 2022 – PAR.2/367 SH.33/2022**

JADUAL KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA	6-13
SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA DAN SYARAT-SYARAT AM	14-24
DOKUMEN 3 – JADUAL PENENTUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL	25-36
DOKUMEN 4 – JADUAL KUANTITI	36-39
DOKUMEN 5 – RINGKASAN JADUAL HARGA	40-41
DOKUMEN 6 – BORANG SEBUT HARGA KERJA	42-43
DOKUMEN 7 – KETERANGAN MENGENAI PENYEBUTHARGA	44-51
LAMPIRAN 6 – SURAT AKUAN PEMBIDA	52-54

DOKUMEN NO. 1

**ARAHAN KEPADA
PENYEBUTHARGA**

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

NO. SEBUT HARGA : PAR.2/367 SH.33/2022

KERJA-KERJA KALIBRASI (UJITATAH) DAN PENGUJIAN GEGANTI PERLINDUNGAN (RELAY PROTECTION) PADA PAPAN SUIS DAN FEEDER PILLAR SERTA KERJA-KERJA ELEKTRIK YANG BERKAITAN DI KOMPLEKS PARLIMEN MALAYSIA BAGI TAHUN 2022

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor – Kontraktor yang mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIMPM/ CIDB) dalam Gred, Kategori, dan Pengkhususan seperti berikut :-

Gred	G1
Kategori	ME
Pengkhususan	E04 – Pemasangan Voltan Rendah E05 – Pemasangan Voltan Tinggi sehingga 11kV
Keperluan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sekurang-kurangnya Mempunyai Penjaga Jentera Elektrik Berkompeten (A0) dan ke atas yang Di Iktiraf oleh Suruhanjaya Tenaga. 2. Salinan Jadual Masa & Jadual Tentukur Peralatan kalibrasi yang terkini.

yang mana pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa, mempunyai alamat pendaftaran di **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** dan **Selangor** adalah layak membuat tawaran bagi sebutharga berikut :

KERJA-KERJA KALIBRASI (UJITATAH) DAN PENGUJIAN GEGANTI PERLINDUNGAN (RELAY PROTECTION) PADA PAPAN SUIS DAN FEEDER PILLAR SERTA KERJA-KERJA ELEKTRIK YANG BERKAITAN DI KOMPLEKS PARLIMEN MALAYSIA BAGI TAHUN 2022

2. Penyebutharga hendaklah menyerahkan sampul tawaran sebutharga **secara manual** ke dalam peti sebutharga pada atau sebelum **5 Ogos 2022, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen tawaran yang diterima selepas dari tarikh dan masa akan **ditolak**. Sampul hendaklah dilabelkan dengan nombor sebutharga dan nombor tawaran sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga No. 2 di Seksyen Kewangan dan Akaun, Aras 4, Blok Ahli Parlimen Dan Pentadbiran, Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur**.

3. Tawaran sebut harga yang dikemukakan adalah diwajibkan mengandungi dokumen-dokumen seperti di bawah :-

- | | |
|--|---------------|
| a) Jadual Penentuan Spesifikasi Teknikal | Dokumen No. 3 |
| b) Jadual Kuantiti | Dokumen No. 4 |
| c) Ringkasan Jadual Harga | Dokumen No. 5 |
| d) Borang Sebut Harga Kerja | Dokumen No. 6 |
| e) Keterangan Mengenai Kontraktor | Dokumen No. 7 |
| f) Surat Akuan Pembida | Lampiran 6 |
- g) Dokumen sokongan:
- (i) Profil Syarikat beserta rekod pengalaman bekerja yang lepas dan semasa yang berkaitan;
 - (ii) Salinan Penyata Bank tiga (3) bulan terkini (**April 2022, Mei 2022 dan Jun 2022**);
 - (iii) Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);
 - (iv) Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK);
 - (v) Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja) – jika ada;
 - (vi) Salinan Sijil SSM;
 - (vii) Salinan Surat Pendaftaran dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di bawah Cukai Perkhidmatan / SST (jika ada);
 - (viii) Salinan Sijil Perakuan Orang Kompeten Elektrik Berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga Elektrik;
 - (ix) Salinan sijil Perakuan Kekompetenan sebagai Jurutera Perkhidmatan Elektrik;
 - (x) Salinan borang kalibrasi terkini bagi peralatan yang telah di luluskan/diiktiraf penggunaannya oleh pihak Makmal. (sila lampirkan Jadual Masa & Jadual Tentukur peralatan di lampiran tambahan);
 - (xi) Mengemukakan bukti borang surat tawaran kerja dan bukti siap kerja;

Semua borang hendaklah diisi dengan lengkap seperti yang ditentukan dan ditaip dengan kemas dan terang. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, penyebutharga dibenarkan menaip maklumat-maklumat di muka surat tambahan.

4. Senarai semak untuk penyerahan dokumen adalah seperti berikut :

Bil	Senarai Dokumen	Dokumen Wajib Yang Perlu Dikemukakan
TAWARAN KEWANGAN / TAWARAN TEKNIKAL		
a.	Dokumen No. 3 : Jadual Penentuan Spesifikasi Teknikal	√
b.	Dokumen No. 4: Jadual Kuantiti	√
c.	Dokumen No. 5 : Ringkasan Jadual Harga	√
d.	Dokumen No. 6 : Borang Sebut Harga Kerja	√
e.	Dokumen No. 7 : Keterangan Mengenai Kontraktor	√
f.	Surat Akuan Pembida Lampiran 6	√
g.	Dokumen sokongan	
	(i) Profil Syarikat beserta rekod pengalaman bekerja yang lepas dan semasa.	√
	(ii) Salinan Penyata Bank tiga (3) bulan terkini (April 2022, Mei 2022 dan Jun 2022)	√
	(iii) Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)	√
	(iv) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)	√
	(v) Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja) – jika ada	
	(vi) Salinan Sijil SSM	√
	(vii) Salinan Surat Pendaftaran dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di bawah Cukai Perkhidmatan / SST (jika ada)	
	(viii) Salinan Sijil Perakuan Orang Kompeten Elektrik Berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga Elektrik.	√
	(ix) Salinan sijil Perakuan Kekompetenan sebagai Jurutera Perkhidmatan Elektrik	√
	(x) Salinan borang kalibrasi terkini bagi peralatan yang telah di luluskan/diiktiraf penggunaannya oleh pihak Makmal. (sila lampirkan Jadual Masa & Jadual Tentukur	√

	peralatan di lampiran tambahan)	
	(xi) mengemukakan bukti salinan surat tawaran kerja dan bukti siap kerja.	√

5. Dokumen tawaran sebutharga hendaklah dikemukakan secara manual sebelum waktu dan tarikh tutup yang ditetapkan.
6. Tawaran sebutharga ini sah selama **sembilan puluh (90)** hari dari tarikh tutup bidaan.
7. Penyebutharga yang enggan menandatangani kontrak yang telah disetujui terima atau yang menarik balik tawaran bidaan sebelum dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah tawaran dibuat, akan dikenakan tindakan penggantungan pendaftaran seperti berikut:
 - i) Dua (2) tahun bagi kesalahan pertama;
 - ii) Lima (5) tahun bagi kesalahan kedua; dan
 - iii) Pendaftaran akan dipotong terus bagi kesalahan berikutnya.
8. Penyebutharga yang tawarannya disetujuterima dikehendaki memberi perkhidmatan membekal semua barang tersebut pada tarikh yang ditetapkan oleh Kerajaan atau mana-mana tarikh lain seperti ditentukan oleh Kerajaan. Sekiranya Penyebutharga gagal berbuat demikian, tawaran yang disetujuterima akan dibatalkan dan nama Kontraktor serta nama pengarah-pengarah termasuk pemegang-pemegang saham terbesar akan disenarai hitamkan.
9. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang **terendah** atau mana-mana tawaran. Tiada sebarang alasan perlu diberikan oleh Kerajaan untuk sebarang penolakan tawaran. Keputusan mengenai tawaran yang diterima adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan tidak akan dilayan.
10. Bagi kerja kalibrasi (ujitatah) geganti perlindungan ini hendaklah disiapkan dalam tempoh **7 hari** dari tarikh mula kerja, manakala penghantaran laporan ujian yang telah disahkan oleh Jurutera Perkhidmatan Elektrik adalah dalam tempoh **14 hari** dari tarikh siap kerja.
11. **PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN**

- 11.1 Sebarang perubahan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 11.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 11.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasmi di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 11.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja-kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta 694).

12. PELAKSANAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP) YANG BERKUATKUASA 1 SEPTEMBER 2018

- 12.1 Semua tawaran harga oleh Pembekal hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran tanpa Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP).
- 12.2 Senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan seperti yang terdapat dalam Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
Sekiranya pembekal yang berjaya berdaftar CJCP dan perkhidmatan tersebut adalah termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan, Kerajaan akan menawarkan nilai perolehan termasuk
kenaan Cukai Perkhidmatan.

- 12.3 Pembekal hendaklah memaklumkan pada bila-bila masa setelah berdaftar dengan JKDM kepada Kerajaan supaya Cukai Perkhidmatan boleh dibayar. Kegagalan atau kelewatan syarikat untuk memaklumkan kepada Kerajaan mengenai status pendaftaran dengan JKDM akan menyebabkan syarikat perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa-apa bayaran daripada Kerajaan.

13. **PELAKSANAAN PROGRAM PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS (PROTEGE) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN (1PP/PK1.2)**

- 13.1 Penyebut harga adalah dikehendaki melaksanakan program PROTEGE dalam perolehan kerajaan mengikut had nilai ambang (threshold value) dan sektor seperti berikut :

Bil	Sektor	Nilai Ambang (RM)
1	Pembinaan	10 juta
2	Perkhidmatan / Penyelenggaraan Bangunan / Infrastruktur / Jalan	5 juta
3	Teknologi Informasi dan Komunikasi	10 juta
4	Perkhidmatan Perunding	5 juta
5	Perubatan dan Farmasi	10 juta
6	Perkhidmatan Sokongan Kesihatan	10 juta
7	Perkhidmatan Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih	10 juta
8	Pengangkutan dan Logistik	10 juta
9	Pertahanan Strategik	10 Juta
10	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	4 juta
11	Sektor Lain	10 juta

- 13.2 Syarikat hendaklah memperuntukkan sekurang-kurangnya 1% daripada keseluruhan kos projek bagi melaksanakan program PROTEGE.
- 13.3 Syarikat yang mendapat kontrak Kerajaan di bawah nilai ambang digalakkan untuk melaksanakan program PROTEGE, namun tidak tertakluk kepada penetapan 1% daripada nilai kontrak keseluruhan.

- 13.4 Penetapan bilangan minimum peserta SL1M bagi sesuatu kontrak dikira berdasarkan formula berikut :

$$\frac{1\% \times \text{Kos Keseluruhan Projek / Prolehan}}{\text{RM24,000}^*}$$

* Elaun PROTEGE (RM2,000 seorang X 12 bulan)

14. Selain perkara 1 hingga 12 yang dinyatakan di atas, kontraktor juga tertakluk kepada syarat-syarat tambahan sepertimana di Lampiran A : Syarat-Syarat Sebut harga Untuk Kerja.
15. Sebarang penjelasan yang diperlukan mengenai sebut harga ini hendaklah dialamatkan kepada:

Ketua Jurutera
Bahagian Senggara Fasiliti & Landskap
Aras 4
Blok Ahli Parlimen Dan Pentadbiran
Jalan Parlimen
50680 Kuala Lumpur

DOKUMEN NO. 2

**1. SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA
UNTUK KERJA**

2. SYARAT-SYARAT AM

DOKUMEN NO. 2**SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK KERJA****1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA**

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

- 2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butirbutir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota – nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butirbutir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.

*3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

- (i) Suruhanjaya Tenaga
- (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
- (v) Pihak Berkuasa Tempatan

** Tidak terikat kepada senarai seperti yang dinyatakan sahaja.*

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya bucar-bucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerjakerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj- caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga bagi sebut harga tersebut akan diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga, pihak kontraktor hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

10. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden;

- a) Sekiranya kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh yang telah ditetapkan
- b) Kemajuan kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah

- c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah
- d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah
- e) Apabila kontraktor diistiharkan bankrap oleh pihak yang sah

11. PERUBAHAN KERJA

11.1 Perubahan kerja dibenarkan sekiranya perlu tertakluk kepada syarat-syarat berikut;

- a) Peruntukan mencukupi
- b) Kelulusan Jawatankuasa Sebutharga diperolehi dahulu sebelum perubahan kerja dilaksanakan. Seorang daripada ahli Jawatankuasa Sebutharga hendaklah terdiri daripada Pegawai Teknikal
- c) Jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 20% daripada nilai kontrak atau tidak melebihi RM100,000 mengikut mana yang terendah. Cadangan perubahan kerja terkumpul melebihi 20% daripada nilai kontrak atau RM 100,000 hendaklah dirujuk kepada kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu.

11.2 Pegawai Inden hanya boleh mengeluarkan arahan perubahan kerja sekiranya mendapat kelulusan daripada jawatankuasa sebutharga.

12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebutharga hendaklah sekurang-kurangnya **enam (6) bulan** dari tarikh kerja diperakukan siap.

12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebutharga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor

hendaklah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos kontraktor sendiri.

- 12.3 Sekiranya kontraktor gagal memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos memperbaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada/tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/ Ketua jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-Borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja dan Borang Pengesahan Inden Kerja kepada Pegawai Inden.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggunganan Kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16. TAFSIRAN

Tawaran ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan Penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai tawaran bidaan ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KAEDAH BARANG

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG-BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- i. Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.
- ii. Tiap-tiap satu butiran akan ditimbang sebagai suatu sebut harga berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- i. Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- ii. Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa Barang-barang yang dibekalkan Perkhidmatan

oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.

- ii) Apabila diminta penyebut harga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaan sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak.
- iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkiran kontrak.

9. **PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. **TAKSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak timbul daripadanya.

11. **INSURAN**

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EK-STOK ATAU KELUARAN MALAYSIA

12. **CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. **PEMBUNGKUSAN**

- i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. **PENGENALAN**

Nama pembuat jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan hendaklah ditunjukkan.

BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**15. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATAWANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam **Ringgit Malaysia (RM)**

17. PEMBUNGKUSAN

- i. Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- ii. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- iii. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti.

DOKUMEN NO. 3

JADUAL PENENTUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

DOKUMEN NO. 3

JADUAL PENENTUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

PROJEK: KERJA-KERJA KALIBRASI (UJITATAH) DAN PENGUJIAN GEGANTI PERLINDUNGAN (RELAY PROTECTION) PADA PAPAN SUIS DAN FEEDER PILLAR SERTA KERJA-KERJA ELEKTRIK YANG BERKAITAN DI KOMPLEKS PARLIMEN MALAYSIA BAGI TAHUN 2022 – PAR.2/367 SH.33/2022

BIL	KETERANGAN	Mandatori Nyatakan YA/TIDAK	Lain-lain Kenyataan
1.	Kontraktor hendaklah menjalankan kerja-kerja kalibrasi (ujitatah) dan pengujian geganti perlindungan pada papan suis dan Feeder Pillar serta kerja-kerja elektrik yang berkaitan mengikut spesifikasi yang di tetapkan dalam sebutarga ini.		
